

20 SEP 1998

Mahathir-Olimpik

MALAYSIA TAWAR DIRI UNTUK ANJUR SUKAN OLIMPIK 2008

Oleh: E. Sivabalan

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Malaysia akan menawarkan diri untuk menganjurkan Sukan Olimpik pada tahun 2008 berikutan kejayaannya menjadi tuan rumah Sukan Komanwel ke-16 di sini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata Kuala Lumpur akan mengemukakan hasratnya untuk menganjurkan temasya sukan terbesar di dunia itu.

"Mungkin kita tak berjaya (dalam penawaran kita) tetapi kita akan tetap mencuba," katanya ketika ditanya sama ada Malaysia akan menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik.

Ketika bercakap pada persidangan berita selepas melawat Pusat Akhbar Utama (MPC) di sini, Dr Mahathir berkata Malaysia layak untuk membuat penawaran menganjurkan Sukan Olimpik 2008 itu.

Beliau bagaimanapun berkata terdapat beberapa pra-syarat yang harus dipenuhi sebelum negara dapat menganjurkan Sukan Olimpik.

Buat permulaan, Malaysia perlu melahirkan sejumlah atlit yang berkaliber untuk bersaing dengan ahli sukan bertaraf dunia.

"Kita tidak boleh menjadi tuanrumah tanpa penyertaan. Ia agak sukar sikit untuk menghasilkannya tidak seperti membina stadium," kata Dr Mahathir.

Presiden Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa Juan Antonio Samaranch minggu lepas berkata bahawa sesebuah negara tuan rumah juga perlu mempunyai barisan atlit yang bertaraf dunia.

Sydney akan menjadi tuan rumah Sukan Olimpik 2000 manakala Athens akan menganjurkannya pada tahun 2004.

-- BERNAMA

ES AKD